

**Parti Komponen BN Mungkin Diminta Ikut Langkah Umno, Gerakkan Lembaga Disiplin**  
**Bernama**  
**29 Januari, 2012**

TAWAU, 29 Jan (Bernama) -- Parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain mungkin akan diminta menyusuli langkah Umno menggerakkan lembaga disiplin parti, sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum kelak.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata perkara itu dijangka diputuskan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang akan datang.

"Bila kita ada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, saya berkeyakinan bahawa pengerusi BN (Datuk Seri Najib Tun Razak) akan memaklumkan pengerusi komponen lain untuk gerakkan apa yang telah kita (Umno) putuskan," katanya di sini.

Tengku Adnan yang juga Setiausaha Agung Umno berkata parti itu menggerakkan lembaga disiplin parti dalam usaha mengekang unsur negatif pada kalangan anggota Umno termasuk mensabotaj calon yang dipilih pada pilihan raya umum ke-13.

Mengenai calon pula, beliau berkata yang pasti mereka yang diterima rakyat akan menjadi keutamaan parti untuk dicalon pada pilihan raya umum tersebut.

Tengku Adnan sebelum itu melawat bilik gerakan pilihan raya Umno Kalabakan di sini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642790>